

KARANGAN 4 (O LEVEL)

Sarankan cara-cara untuk memupuk nilai-nilai murni dalam pembentukan karakter seorang pelajar.

BAHAGIAN PENGENALAN

Pelajar hari ini merupakan generasi penerus sesebuah negara pada masa akan datang. Oleh itu, memupuk nilai-nilai murni dalam pembentukan karakter seorang pelajar sangat penting. Jika para pelajar dibesarkan dengan nilai-nilai murni, sesebuah negara boleh menjangkakan memiliki masyarakat masa depan yang berhemah tinggi. Sekiranya kita diminta memikirkan cara-cara untuk memupuk nilai-nilai murni dalam pembentukan karakter seorang pelajar, siapa pihak berkepentingan yang bermain dalam minda kita? Adakah kita akan menuding jari kepada pihak ibu bapa dan guru sahaja? Persoalan, apakah yang boleh kita lakukan untuk menjadikan para pelajar kita mempunyai karakter yang dibina atas dasar nilai-nilai murni?

BAHAGIAN UTAMA

Membina suasana rumah yang positif

Pertama dan utama sekali adalah pentingnya untuk membina suasana rumah yang positif di mana nilai-nilai murni dalam pembentukan karakter seorang pelajar dapat dipupuk. Tegasnya, ini dapat dilakukan jika ibu bapa sedar akan peranan mereka sebagai pendidik yang terpenting untuk anak-anak mereka, dan berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang mendidik anak. Mereka juga harus berusaha menjadi teladan dan contoh yang baik untuk anak-anak mereka. Umpamanya, ramai pelajar yang cenderung dalam kegiatan yang tidak sihat seperti merokok mewarisi tabiat ini daripada ibu bapa mereka. Jelaslah bahawa jika kita ingin membentuk nilai-nilai murni dalam pembentukan karakter seorang pelajar, membina suasana rumah yang positif tidak boleh dikecualikan.

Membina suasana pembelajaran di sekolah yang membina

Kedua dan sama penting juga adalah perlunya mempunyai suasana pembelajaran di sekolah yang membina. Ini kerana pelajar menghabiskan sebahagian besar masanya setiap hari di sekolah. Lantaran itu, guru memainkan peranan yang penting untuk menjadi pembimbing yang berkesan dalam hal ini. Terutamanya, guru boleh memainkan peranan dalam membantu pelajar memilih teman-teman yang baik. Selain itu, pihak sekolah boleh juga memberikan penekanan dalam membentuk budaya kecemerlangan dalam sukan. Ini kerana terdapat banyak dapatan kajian